

CERAMAH KHAS

TEMA: “MANUSKRIP ISLAM MERCU TANDA KETAMADUNAN UMAT”

Majlis Ilmu 2019

Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang ke-73 Tahun

Tajuk - “Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat”.

Disampaikan oleh:

Yang Berhormat

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia

Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

Mufti Kerajaan

Negara Brunei Darussalam

Di Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
26, Jalan Pengiran Babu Raja, Negara Brunei Darussalam.

Hari Sabtu,
13 Safar, 1441H
12 Oktober, 2019M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُ وَوَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ.

Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhamed Alam.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patek menjunjung kurnia perkenan untuk menunaikan hajat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu pada tahun ini bagi menyampaikan Ceramah Khas bertajuk: “Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat”. Hamba

Kebawah Duli Tuan Patek juga menjunjung keizinan untuk menggunakan perkataan biasa bagi kemudahan jua.

Para hadirin yang dihormati,

Apa itu manuskrip? “Manuskrip” berasal dari bahasa latin, terdiri dari dua perkataan, ‘*Manus*’ bererti tangan, dan ‘*Scriptus*’ bererti tulisan. Jadi ertinya, Manuskrip ialah naskhah asal tulisan tangan yang masih belum dicetak.

Di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sekarang, terdapat sekitar 4,733 bahan artifak dan manuskrip, dimana 1,569 daripadanya adalah manuskrip, iaitu satu jumlah yang boleh dianggap mengkagumkan, sehingga seorang pelawat kenamaan daripada luar negara pernah menyifatkannya sebagai koleksi manuskrip terbesar di dunia, yang pernah diketahuinya.

Barangkali memang betul atau berasas apa yang dikatakan oleh pelawat ini. Kerana selain jumlahnya yang besar, purata manuskrip yang ada disini juga berkeadaan sempurna. Manuskrip Mushaf Al-Qur’an sahaja umpamanya, hampir seluruhnya adalah lengkap. Kita tidak akan mengatakan Mushaf Al-Qur’an, sekiranya hanya lambaran yang bercerai-cerai, atau ayat-ayat tertentu yang ditulis untuk hiasan. Begitu juga manuskrip kitab atau buku,

kebanyakannya adalah lengkap, bukannya cebisan atau serpihan yang terpisah-pisah dari sebuah kitab asal.

Kita ada sekian banyak manuskrip mushaf al-Quran, diantaranya beberapa naskhah tertua, yang berumur 400, 500, 600, 800 dan dua naskhah daripadanya berumur dalam lingkungan 1,000 tahun. Masing-masing itu masih sahaja dalam keadaan baik dan sempurna. Naskhah Kitab *Ihya Ulum ad-Din*, dan Kitab *Fatawa 'Alam Ghiri*, dua buah kitab besar, juga masih dalam bentuknya yang lengkap. Naskhah *Dalail al-Khairat*, juga lengkap dan lain-lain lagi.

Ini semua dalam bentuk manuskrip tulin tulisan tangan. Tentu sahaja tiap-tiap manuskrip yang ada ini, adalah merupakan naskhah satu-satunya di dunia, dengan penulisnya juga cuma seorang sahaja bagi tiap-tiap satu naskhah itu.

Begitulah uniknya manuskrip. Ini juga boleh menjadi bukti, bahawa manuskrip Islam pada khususnya adalah ia mercu tanda ketamadunan umat. Dan kerana itu pula, bangsa-bangsa yang maju dan bertamadun, mereka itu adalah cukup-cukup menghargai dan mengkagumi manuskrip.

Manuskrip jawi melayu sahaja, turut dikagumi oleh dunia barat. Menurut kajian, semenjak dari abad ke-16 lagi, manuskrip jawi melayu telahpun mendapat perhatian besar. Mula-mula oleh para sarjana Belanda, kemudian diikuti oleh Inggeris dan seterusnya oleh para sarjana Eropah keseluruhannya. Mereka ini membawa manuskrip-manuskrip itu ke negara masing-masing, dengan tujuan, untuk mengetahui atau mempelajari melalui kandungan-kandungan manuskrip itu akan jalan pemikiran dan cara hidup orang-orang melayu nusantara, supaya dengan itu mudahlah bagi mereka untuk menjajah dan mentadbir wilayah-wilayah yang mereka takluki.¹

Sudah sekian lama didapati, manuskrip-manuskrip jawi melayu telahpun turut menempati Perpustakaan *Leiden*, *British Library* dan *Royal Asiatic Society* di London. Salah sebuah manuskrip yang sangat berharga, yang turut berada di sini ialah “Hukum Qanun Brunei”. Menurut kajian, lebih daripada 28 buah negara di dunia turut menyimpan manuskrip-manuskrip jawi melayu itu.

Di bangunan ini sahaja, sedang tersimpan sekitar 1,569 buah manuskrip: Sama ada manuskrip Melayu, Arab, Parsi dan Urdu, semuanya itu menggunakan ‘Huruf-Huruf Jawi’ (Huruf-Huruf Al-

¹ Lihat kertas kerja Manuskrip Jawi, Profesor Madya Doktor Mahayudin Haji Yahya.

Qur'an). Inilah ajaibnya manuskrip-manuskrip Islam itu, ia ditulis dengan Huruf-Huruf Al-Qur'an. Kerana itu, manuskrip-manuskrip yang ada di dalam bangunan ini, tidak diragukan lagi turut mempunyai nilainya yang tersendiri, iaitu nilai "Keberkatan dan Kemuliaan."

Ya, dari manuskrip-manuskrip Mushaf Al-Qur'an sehingga kepada manuskrip kitab-kitab, karangan para ulama, semuanya itu mempunyai nilai keberkatan dan kemuliaan. Mengapa tidak, bukannya setiap huruf Al-Qur'an itu menjanjikan pahala? **آلَم** . Alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf. Jika dibaca ketiga-tiga huruf ini dalam satu kalimat **آلَم**, ia akan mendatangkan tiga ganjaran pahala.

Begitu hebatnya huruf-huruf Al-Qur'an.

Maka demikian itulah kitab-kitab karangan para ulama' adalah penuh dengan huruf-huruf Al-Qur'an. Kerana itu, berapa banyak pun manuskrip yang ada dalam bangunan ini: Sama ada Melayu, Arab, Parsi dan Urdu, ia akan tetap kita pelihara, akan tetap kita hormati, dan tidak akan diletakkan dihujung-hujung kaki, kerana semuanya itu ditulis dengan huruf-huruf Al-Qur'an belaka.

Mari, mari kita buktikan keberkatan kitab-kitab agama yang mengandung huruf-huruf Al-Qur'an itu. Salah satu contohnya, di dalam Balai Khazanah ini turut tersimpan sebuah manuskrip Kitab *Ihya Ulum ad-Din*, karangan Imam Al-Ghazali *Rahimahullah*, yang dikarang pada tahun 488 Hijrah bersamaan tahun 1095 Masihi, dalam makna usia *Ihya Ulum ad-Din* setakat ini telah pun menjangkau lebih dari 900 tahun. Dari usianya yang sangat panjang itu *Ihya Ulum ad-Din*, telah disalin semula oleh ramai penyalin di merata dunia ini.

Dalam sejarah, Kitab *Ihya Ulum ad-Din* pernah dihina orang. Dizaman Kerajaan Ali bin Yusuf Al-Murabithi di Kordoba, kitab *Ihya Ulum ad-Din* dirobek-robek / dikoyak-koyak dan malah diperintahkan supaya dibakar. Perkara ini telah sampai kepengetahuan pengarangnya, Imam Al-Ghazali *Rahimahullah*. Lalu imam ini pun berdoa, katanya:

“Ya Allah, mohon supaya Engkau robek-robekkan kerajaan mereka sebagaimana mereka merobek-robek Ihya Ulum ad-Din, dan bahkan lenyapkan negara mereka sebagaimana mereka membakar hangus Kitab Ihya Ulum ad-Din.”

Para hadirin,

Doa Imam ini maqbul dengan Kerajaan Ali bin Yusuf Al-Murabithi pada akhirnya runtuh dan negara juga berkubur dengan jatuhnya ke tangan orang lain.

Inilah bukti sejarah tentang keberkatan Kitab *Ihya Ulum ad-Din*. Disini, kita dengan amat sukacita ingin menyebut satu berita gembira: Alhamdulillah, kalau orang lain, kalau penguasa lain merobek-robek / mengoyak-ngoyak dan membakar Kitab *Ihya Ulum ad-Din*, tetapi penguasa kita, penguasa Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Baginda, bukan merobek, bukan mengoyak, dan jauh sekali membakar Kitab *Ihya Ulum ad-Din*, tetapi Baginda sebaliknya, membina membangun sebuah bangunan yang indah yang menjadi kebanggaan Negara Brunei Darussalam untuk menempatkan dan memelihara kitab ini, Kitab *Ihya Ulum ad-Din*, dan bahkan bukan sahaja kitab *Ihya Ulum ad-Din*, malah juga banyak lagi kitab-kitab yang lain, sebagai tanda penghormatan Baginda terhadap kitab-kitab agama itu. Manfaat semua ini, bukan hanya untuk persendirian Baginda semata-mata, bahkan juga akan jadi pusaka dan warisan bangsa turun temurun dan malah manfaat itu juga boleh dikongsi sama oleh siapa saja, oleh dunia antarabangsa.

Selain manuskrip mushaf dan kitab-kitab agama, di dalam Balai Khazanah ini juga terdapat beberapa atsar atau peninggalan barang-barang artifak yang disandarkan kepada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat, yang setengahnya itu dianggap asli dan setengah lagi berupa replika. Diantara atsar atau barang artifak peninggalan itu ialah rambut mulia Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, gambar serban dan pedang serta replika pedang Baginda dan juga replika beberapa pedang para sahabat besar. Semua peninggalan ini, terutama rambut mulia Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* adalah mempunyai nilainya yang tersendiri, iaitu nilai “Keberkatan dan Kemuliaan.”

Kerana itu, dalam riwayat-riwayat hadits, antaranya hadits al-Bukhari ada menyebut, bahawa para sahabat *Radhiallahu 'anhum* sampai berebut-rebut menemui tukang cukur untuk mengambil potongan rambut Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Atau hadits riwayat Muslim juga memberitahu, bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* ketika bercukur, Baginda itu sendiri yang akan memberikan rambut Baginda kepada sahabat Abu Thalhah sambil bersabda:

أَقْسَمَهُ بَيْنَ النَّاسِ

Ertinya: *Engkau bahagi-bahagikan rambut ini, wahai Abu Thalhah kepada orang ramai.*

Kerana itu, tidaklah hairan, jika sampai sekarang masih ada saja orang mendakwa menyimpan rambut mulia itu, yang dimilikinya secara turun temurun dari generasi ke generasi.

Diantara bukti keberkatan rambut Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* ialah riwayat daripada Abdullah bin Mauhib, katanya: “Keluarga saya pernah menyuruh saya berjumpa Ummu Salamah, isteri Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan membawa sebiji mangkuk berisi air. Lalu Ummu Salamah pun menerima saya dengan ditangannya sebuah bijana dan di dalam bijana itu terdapat rambut Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Seperti biasa, apabila seseorang sakit mata atau apa jua jenis penyakit, orang itu akan mengirim air kepada Ummu Salamah dan Ummu Salamah pula akan merendam rambut Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kedalam air tersebut untuk diminum oleh pesakit sebagai ubat.

Itu satu. Dua, riwayat lain, juga mengenai rambut Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang dikaitkan dengan sahabat terbilang Khalid bin Al-Walid. Sahabat ini merindui syahid

dimedan jihad, namun kerinduannya itu tidak tercapai menjadi kenyataan. Walau sekian banyak peperangan yang disertainya, namun dia tetap akan kembali juga dengan selamat membawa kemenangan. Sahabat ini disifatkan oleh Nabi sebagai سيف الله (Pedang Allah) yang bererti pembela agama-Nya. Ya dia, memang seorang pahlawan tulin, penglima yang tidak takut mati, bahkan bercita-cita mahu mati dimedan jihad.

Pada suatu peperangan yang dikepalainya, dia kelihatan memakai قَلْنَسُوءَة (topi peperangan). Sedang pertempuran berkecamuk dengan amat sengit dan dahsyatnya, tiba-tiba topi di atas kepala Khalid terjatuh ke tanah. Menyedari perkara ini, Khalid, telah berusaha sedaya upayanya untuk mengambil semula topi yang terjatuh itu, tanpa menghiraukan apa pun mungkin terjadi dari perbuatannya itu.

Setelah selesai peperangan, para sahabat tampil mengecam tindakan Khalid itu, dengan alasan, tindakan tersebut boleh membahayakan nyawa. Mereka berkata, apa ada pada topi berbanding nyawa?

Berkata Khalid menjelaskan:

"لَمْ أَفْعَلْهَا بِسَبَبِ الْقَلَنْسُوَةِ بَلْ لِمَا تَضَمَّنَتْهُ مِنْ شَعْرِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ لِئَلَّا أُسْلَبَ بَرَكَتَهَا وَتَقَعَ فِي أَيْدِي الْمُشْرِكِينَ." ^٢

Ertinya: *“Wahai kawan-kawan, saya bukan bertindak kerana topi, tetapi kerana di dalam topi itu terdapat rambut Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam. Saya tidak mahu berkat rambut itu bercerai dari saya, dan saya juga tidak mahu ia terjatuh ke tangan orang-orang musyrikin.”*

Allahu Akbar! Inilah Khalid, saudara! Khalid disini, ternyata tidak kisah walau nyawa melayang, asalkan dia dapat menyelamatkan rambut Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam*. Dan dari riwayat ini juga membuktikan, bahawa Khalid panglima terbilang itu, dalam apa pun peperangan yang disertainya, rambut Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* tetap ada bersamanya, tersimpan di dalam topi peperangan yang dipakainya. Mengapa? Kerana Khalid sangat-sangat teruja lagi berhajat kepada berkat, khasnya pada saat-saat genting didalam peperangan.

² Pehin Dato Haji Abdul Aziz Juned, “Bertabaruk Dengan Atsar-Atsar Nabi *Shallallahu `alaihi wasallam*.”

Insyah Allah, sebentar lagi, kita akan dapat bersama-sama bertabaruk (mengambil berkat) dari rambut yang mulia ini dalam bangunan yang kita sedang berada kini.

Sebelum itu, kita beralih sedikit lagi menyebut pula tentang Serban dan Pedang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Kedua-duanya juga sama, menyangkut perkara berkat.

Dizaman Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*, berlaku satu peperangan yang dipanggil dengan nama “Perang Khandaq.” Khandaq ertinya parit besar. Orang-orang Islam menggali parit ini sekeliling Kota Madinah untuk menghalangi tentera-tentera musyrikin dari menceroboh dan menyerang orang-orang Islam di dalam kota. Tetapi salah seorang daripada ketua tentera musyrikin yang bernama `Amru bin Abdi Wad telah berjaya menyeberangi parit dengan mengendarai kuda. Daripada atas kuda dia berteriak-teriak berkata:

“Hai Muhammad! Kamu menyangka, orang terbunuh dari kalangan kamu akan masuk syurga, sedang yang terbunuh dari kalangan kami akan masuk neraka. Sesungguhnya aku amat teringin untuk masuk neraka. Maka tidakkah ada diantara kamu pula yang

teringin untuk masuk syurga? Ayoh! Marilah! Siapa saja yang mahu bertarung denganku, tampillah!”

Demikian cabaran `Amru panglima musyrik, dengan bongkaknya. Dia mencabar orang Islam siapa saja, untuk berlawan dengannya, seorang sama seorang.

Ya, siapakah dari kalangan orang-orang Islam yang sanggup menyambut cabaran ini? Cabaran untuk berlawan dengan panglima terbilang yang terkenal handal itu. Siapa?

Untuk beberapa ketika, belum nampak siapa-siapa pun yang tampil. Tetapi diluar dugaan semua orang, tiba-tiba tampil seorang anak muda yang masih mentah, yang dilihat sebagai tidak tahu apa-apa untuk bermain senjata.

Siapakah orang muda itu? Dia ialah Ali bin Abi Thalib. Dia memohon izin kepada Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* untuk menghadapi musuh yang sangat-sangat digeruni itu. Tetapi Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* bersabda:

"إِجْلِسْ أَنْتَ يَا عَلِي ، إِنَّكَ مَا تَزَالُ فِي زِمْرَةِ شَبَابِكَ."

Ertinya: *“Engkau duduk, wahai Ali! Engkau masih terlalu muda.”*

Tetapi Ali tetap merayu, supaya dibenarkan juga untuk menyambut cabaran musuh durjana itu. Lalu Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* pun kelihatan mara mendekati Ali. Baginda menanggalkan serbannya dari kepala dan memakaikan serban yang ditanggalkan itu kepada Ali, dan juga memberikan pedang Baginda sendiri kepada Ali, sambil berdoa:

”يَا رَبِّ إِنَّكَ أَخَذْتَ مِنِّي حَمْزَةَ يَوْمِ أُحُدٍ ،
فاحفظ عليًّا هذا اليوم يا ربَّ العالمين.”

Ertinya: *Wahai Tuhanku, Engkau telah pun mengambil Hamzah daripadaku pada Hari Uhud (dalam peperangan Uhud), maka mohon Engkau peliharakanlah Ali pada hari ini, wahai Tuhan Seru Sekalian Alam.*

Maka Ali pun kelihatan bergerak maju kearah musuh. Musuh berada di atas kuda, sedang Ali hanya berdiri di atas tanah.

Melihat ada orang datang, Amru musuh durjana bertanya: “Siapa kamu?” Menjawab Ali: “Saya Ali, anak kepada bapa saudara Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*, Abu Thalib. Ali bin Abi Thalib.”

Mendengar itu musuh ketawa besar dan berkata: “Engkau budak mentah mahu melawan aku? Ternyata Muhammad dan orang-orangnya tidak menghargaimu sehingga membiarkan engkau untuk jadi makanan kepada pedangku. Pergi! Pergilah! Dan minta orang lain untuk menggantikanmu.”

Tetapi menjawab Ali: “Benar, mereka mengutusku, kerana aku tidak penting bagi mereka.”

Berkata musuh: “Tidak! Aku tidak mahu membunuhmu, wahai Ali! Kerana bapamu adalah kawanku.”

Berkata Ali: “Tetapi saya sudah bertekad untuk melawanmu, kecuali jika engkau membatalkan niatmu untuk membunuh Nabi *Shallallahu `alaihi wasallam* dan sekaligus melafazkan syahadah: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.”

Berkata musuh: “Tidak! Sekali-kali tidak! Aku tidak akan melafazkannya, walaupun kepalaku masuk ke dalam api.”

Maka dengan itu, pertarungan pun berlakulah diantara singa quraisy yang bernama Amru dan anak muda yang masih mentah yang bernama Ali. Namun dengan kehendak Allah, anak muda

yang mentah ini, yang dipakaikan oleh Nabi dengan serban Baginda dan dibekalkan dengan pedang Baginda juga, telah berjaya menewaskan sang singa yang sedang lapar.

الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، والله الحمد.

Demikian satu lintasan sejarah tentang serban dan pedang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Ya, mengapa Nabi sampai menanggalkan serban Baginda untuk dipakaikan kepada Ali? Dan mengapa, Baginda juga memberikan pedang Baginda sendiri untuk diguna pakai oleh Ali? Mengapa? Jawabnya, kerana Baginda cukup tahu, bahawa Ali sedang memerlukan bekalan dan bahkan juga memerlukan teman atau kawan. Bekalan itu ialah berupa “Berkat”, sedang teman atau kawan pula berupa “Senjata.” Dua-dua ini diperlukan oleh Ali yang masih mentah untuk menghadapi musuh yang sangat handal, yang sudah sekian banyak makan garam itu. Masya Allah hasilnya, berkat serban selaku bekalan dan berkat pedang selaku teman, maka Allah, dengan kehendak dan kuasa-Nya jua telah memberikan kemenangan kepada Ali, orang muda yang masih mentah.

Insya Allah, gambar serban Nabi dan gambar pedang Baginda serta replika pedang baginda dan para sahabat besar, akan juga dapat kita saksikan di dalam bangunan Balai Khazanah ini nanti.

Ampun beribu ampun, sekian saja, kiranya terdapat sebarang kejanggalan atau sorok langkah disepanjang ceramah ini, dijunjung ampun dan kema`afan jua.

والله ولي التوفيق والهداية ،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Darullfta,
Jabatan Mufti Kerajaan
Negara Brunei Darussalam.
13hb Safar, 1441H.
12hb Oktober, 2019M.